



Keretapi Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur - Singapura

Soalan-soalan Lazim

Program Pembangunan Sosioekonomi

1. Apakah Program Pembangunan Sosioekonomi (SEDP) dan bagaimanakah ia dapat menyokong projek KL-SG HSR?

Semasa fasa permulaan projek KL-SG HSR, sebuah kajian kes global telah dijalankan untuk mempelajari amalan terbaik untuk memaksimumkan faedah-faedah yang akan terhasil daripada pelaksanaan HSR. Hasil kajian mendapati bahawa perancangan awal pembangunan sosioekonomi bersama-sama pelaksanaan HSR akan membawa kepada peningkatan populasi dan kewujudan pekerjaan hasil daripada pembangunan aktiviti-aktiviti ekonomi baru dan transformasi bandar.

Oleh itu, Program Pembangunan Sosioekonomi (SEDP) telah dibangunkan untuk panduan pembangunan ekonomi yang holistik sepanjang koridor KL-SG HSR, dengan gabungan peluang-peluang yang wujud daripada pelaksanaan HSR ke dalam perancangan pembangunan untuk memacu pertumbuhan yang inklusif.

Pembangunan SEDP merupakan kerjasama antara MyHSR Corp dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bersama pihak berkepentingan daripada agensi persekutuan, negeri, kerajaan tempatan, agensi-agensi yang bertanggungjawab bagi spesifik sektor, dan sektor swasta untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- Menyelaras dan mempercepat penyampaian pelan pembangunan nasional, sektoral, wilayah, negeri dan tempatan*
- Menyokong pendekatan bersepadu bagi pelan pembangunan yang inklusif dan pertumbuhan yang mampan di seluruh bandar*
- Memaksimumkan faedah-faedah sosioekonomi bagi masyarakat setempat dan memastikan penyertaan yang memberangsangkan dalam pembangunan*

2. Apakah komponen utama SEDP dan bagaimana ianya akan dilaksanakan?

SEDP mengandungi tiga elemen yang menyeluruh bagi pembangunan sosioekonomi:

- Ekonomi: Meneroka peluang-peluang bagi merangsang pembangunan ekonomi yang utama di seluruh koridor HSR, disokong oleh keperluan ekosistem dan pemangkinyang diperlukan*
- Inklusif: Memastikan pertumbuhan inklusif, dengan memperkasa masyarakat setempat untuk membawa peluang yang wujud hasil daripada pelaksanaan KL-SG HSR dan pembangunan dalam bidang pertumbuhan ekonomi utama*
- Kemampanan: Pertimbangan utama dalam mewujudkan bandar-bandar yang dinamik dan berdaya saing*

Kejayaan pelaksanaan SEDP bergantung kepada pelaksanaan yang cekap dan berkesan, ianya juga memerlukan sokongan seperti, tindakan dan sumber, yang disediakan oleh kerajaan dengan kerjasama bersama sektor swasta. Beberapa sokongan yang dikenalpasti termasuklah dasar sokongan, insentif dan peraturan; bakat; infrastruktur; dan mekanisma pelaksanaan yang bersesuaian di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Kejayaan pelaksanaan SEDP juga memerlukan gabungan usaha dan kerjasama semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan



persekutuan, negeri dan tempatan, serta sektor swasta. MyHSR Corp komited untuk terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan.

3. Apakah contoh/ kajian kes yang digunakan oleh MyHSR Corp sebagai penanda aras untuk membangunkan SEDP?

Semasa peringkat awal perancangan, penyelidikan yang meluas telah dijalankan ke atas kajian-kajian kes antarabangsa untuk mengukur potensi impak dan peluang yang terhasil daripada pelaksanaan HSR. Ini membantu untuk memahami amalan terbaik dalam perancangan awal pembangunan sosioekonomi di samping pelaksanaan HSR untuk memaksimumkan faedah-faedah sosioekonomi daripada KL-SG HSR.

Kejayaan kes-kes telah digabungkan untuk diletakkan di bawah satu asas yang sama:

- Menetapkan keutamaan yang jelas bagi peluang pembangunan ekonomi berdasarkan kekuatan setiap bandar
- Sokongan yang kukuh daripada sektor awam dan swasta di peringkat tempatan
- Kesalinghubungan yang baik kepada kawasan utama di dalam bandar melalui rangkaian pengangkutan awam yang cekap dan boleh dipercayai
- Penekanan terhadap kawasan kejiranan dan komuniti yang inklusif melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan sosial, termasuk akses kepada perumahan, latihan kemahiran dan pekerjaan

Contoh-contoh kajian kes termasuk:

- Dasar dan insentif yang disasarkan bagi sektor ICT dan Bioteknologi diperkenalkan untuk menarik lebih banyak syarikat kepada Shin-Yokohama. Di samping mempertingkatkan kesalinghubungan yang dapat memendekkan masa perjalanan daripada Shin-Yokohama ke bandar-bandar lain seperti Nagoya dan Osaka, ia juga dapat menarik syarikat serta firma yang bersaiz sederhana untuk memindahkan operasi mereka ke Shin-Yokohama. Selain itu, pembangunan pusat daerah perniagaan (CBD) di Shin-Yokohama bermula untuk meluaskan rangkaian pengangkutan awam ke bandar Yokohama, menyerlahkan kepentingan kesalinghubungan stesen HSR dengan pilihan pengangkutan awam yang boleh dipercayai. Secara keseluruhan, berikutan pelaksanaan perkhidmatan HSR Tokyo-Osaka, Shin-Yokohama telah mengalami peningkatan populasi dan peluang pekerjaan.
- Lille muncul sebagai sebuah hab ekonomi, berikutan pemilikan yang kukuh dan visi jangka panjang oleh Datuk Bandar, serta kerjasama dengan sektor swasta. Ini melibatkan sokongan polisi dan insentif untuk pembangunan industri, seperti tekstil teknikal, pemacu ekonomi utama Lille. Dalam jangka masa panjang, ini akan membawa kepada peningkatan populasi dan kadar pengambilan pekerja di bandar tersebut.
- Pembangunan Taipei-Kaohsiung HSR diiringi oleh Pelan Khas Daerah HSR, yang diselaraskan oleh Bureau of High Speed Rail (BOHSR). Pelan tersebut mencadangkan pembangunan yang berbeza di lima lokasi stesen, disokong oleh struktur pentadbiran umum yang terdiri daripada kerajaan tempatan yang relevan. Pendekatan pembangunan koridor ini akan meminimalkan pertindihan dan persaingan antara bandar, di samping memanfaatkan kekuatan dan cadangan nilai unik bagi setiap kawasan.

Kajian kes global ini menunjukkan bahawa faedah sosioekonomi yang lebih luas terhasil daripada pelaksanaan HSR boleh didapati dengan integrasi awal perancangan pembangunan sosioekonomi di samping pelaksanaan HSR. SEDP disasarkan untuk mencapai objektif bagi KL-SG HSR, dengan menjalankan kerjasama dengan pihak berkepentingan daripada kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan, agensi-agensi kustodian bagi sektor tertentu, dan sektor swasta.

4. Tujuh bidang pertumbuhan telah dikenalpasti untuk memacu pertumbuhan ekonomi di sepanjang koridor HSR. Apakah asas dalam bidang pembangunan utama yang digunakan oleh MyHSR Corp? Adakah bidang pertumbuhan baru atau perluasannya merupakan inisiatif sedia ada?

Bidang pertumbuhan adalah subsektor ekonomi yang diberi keutamaan merentasi koridor KL-SG HSR, yang akan menghasilkan faedah ekonomi yang lebih meluas kepada bandar-bandar dan negara. Ini telah dikenalpasti dan diutamakan berdasarkan kekuatan sedia ada, cadangan nilai unik dan potensi pertumbuhan bandar serta peluang-peluang masa hadapan untuk menghasilkan sinergi merentasi koridor HSR.

Setiap bidang pertumbuhan utama disasarkan untuk:

- *Menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK)*
- *Mewujudkan pekerjaan berkemahiran/ berpengetahuan tinggi*
- *Meningkatkan pelaburan swasta*

Tujuh bidang pertumbuhan ekonomi telah diberi keutamaan untuk mengoptimalkan pembangunan kluster merentasi koridor KL-SG HSR. Bidang pertumbuhan ini boleh dikategorikan seperti berikut:

- *Aktiviti-aktiviti intensif-pengetahuan: bidang yang bergantung kepada profesional dan pengetahuan kemahiran; sejajar dengan perubahan Malaysia daripada aktiviti intensif buruh kepada aktiviti berdasarkan pengetahuan dan inovasi.*
 - *Pembuatan Termaju*
 - *Bioekonomi*
 - *Ekonomi Digital*
- *Industri tempatan: industri-industri yang merupakan tulang semasa ekonomi tempatan dan mempunyai potensi untuk meningkatkan rantaian nilai*
 - *Perabot*
 - *Tekstil*
- *Perkhidmatan moden: industri-industri bernilai tinggi yang boleh diperdagangkan, mempunyai intensiti pengetahuan yang tinggi dan menghubungkan seluruh ekonomi, serta berpotensi untuk menjana pekerjaan berpendapatan tinggi*
 - *Pelancongan*
 - *Penjagaan kesihatan*

Bidang pertumbuhan ekonomi utama yang telah dikenalpasti dalam proses 3 langkah yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta.

- *Langkah 1: Kenalpasti keutamaan sedia ada (pelan pembangunan nasional, sektoral, wilayah, negeri dan tempatan)*
- *Langkah 2: Pilih bidang pertumbuhan ekonomi/ subsektor HSR yang berkaitan (berdasarkan impak yang akan terhasil daripada KL-SG HSR terhadap pembangunan dan pertumbuhan, seperti, pergerakan bakat dan rakyat, peluang pertumbuhan dengan KL-SG HSR untuk memperluas aktiviti-aktiviti ke arah yang lebih kompleks atau produk/ perkhidmatan bernilai tinggi*

Langkah 3: Bidang pertumbuhan ekonomi utama bagi setiap bandar bergantung kepada kekuatan sedia ada, cadangan nilai unik dan potensi pertumbuhan bagi setiap bandar, dan jugak peluang yang boleh didapati di seluruh koridor HSR.

5. Apakah usaha-usaha yang ada untuk memastikan bandar-bandar pertengahan seperti Muar dan Batu Pahat menikmati faedah yang terhasil daripada pelaksanaan HSR?

Sejajar dengan pelan pembangunan nasional, sektoral, wilayah, negeri dan tempatan, SEDP bertujuan untuk mempertingkatkan kekuatan dan daya saing tempatan sedia ada bagi setiap bandar pertengahan dan memastikan bandar ini serta bandar baru boleh menikmati manfaat sosioekonomi dan hasil daripada KL-SG HSR. Contohnya, industri perabot Muar dan industri tekstil Batu Pahat yang dapat memberi manfaat menerusi pelaksanaan HSR. Melalui perancangan yang efektif, KL-SG HSR mempunyai potensi untuk memangkin kelompok industri sedia ada dalam bandar-bandar ini, meningkatkan akses kepada pasaran dan membuka aktiviti nilai tambah yang berpotensi tinggi susulan peningkatan pergerakan pekerja berpendidikan tinggi. Pelancongan dijangka akan berkembang hasil daripada peningkatan dalam kemasukan pelancong yang bernilai tinggi di seluruh bandar menerusi KL-SG HSR.

Di samping itu, adalah penting bagi memastikan setiap bandar merupakan tempat yang terbaik untuk diduduki, bekerja dan menjalankan perniagaan. Sejajar dengan ini, pelbagai usaha dilakukan seperti kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan, untuk memastikan keterangkuman dan kemampuan pertumbuhan di semua bandar. Ini termasuk dalam usaha meningkatkan akses kepada latihan kemahiran dan pekerjaan, sokongan kepada usahawan untuk mendapatkan peluang-peluang baru, serta memberi sokongan ke atas permintaan rumah mampu milik dan berpusatkan masyarakat. Selain itu, terdapat juga perancangan untuk melaksanakan pembangunan berorientasikan transit yang komprehensif (TOD), menyediakan pilihan pengangkutan awam yang boleh dipercayai dan berpatutan, serta menggabungkan tahap kemampuan menerusi pelaksanaan Bandar Rendah Karbon. Usaha ini akan memperkasakan masyarakat setempat dalam memastikan bahawa mereka juga mendapat manfaat daripada peluang-peluang yang terhasil daripada pelaksanaan KL-SG HSR dan mewujudkan bandar yang lebih berdaya saing dan dinamik untuk didiami oleh seluruh rakyat Malaysia.

Impak KL-SG HSR kepada Ekonomi Negara

1. Apakah manfaat yang lebih besar boleh dinikmati daripada KL-SG HSR?

KL-SG HSR akan mentransformasikan cara penduduk tempatan, pelawat dan komuniti perniagaan di Malaysia dan Singapura berinteraksi, bersosial dan menjalankan perniagaan. Ia akan mendekatkan kedua-dua buah negara, mengeratkan hubungan sesama rakyat untuk memangkin pembangunan sosioekonomi di setiap bandar sepanjang koridor.

Pengurangan masa perjalanan dengan adanya KL-SG HSR ini akan mendekatkan jarak bandar-bandar di sepanjang koridor, mewujudkan peluang kepada penduduk, pelawat dan perniagaan, sebagai contoh:

- *Mentransformasi bandar-bandar kepada koridor pelancongan, dengan memanfaatkan peningkatan kesalinghubungan dalam pembangunan pelancongan*

- Membolehkan perniagaan untuk menubuhkan pejabat operasi dan kemudahan pengeluaran di bandar-bandar pertengahan dengan kos yang lebih rendah, serta akses yang lebih cepat kepada ekosistem sokongan dan ibu pejabat di bandar-bandar utama
- Menarik pekerja mahir/ berpengetahuan untuk bekerja di bandar-bandar besar, sambil menikmati kualiti hidup yang lebih baik dan kos sara hidup yang rendah di bandar yang bersaiz sederhana, yang boleh menjadi hab komuter bagi memenuhi keperluan keluarga dengan pendidikan berkualiti tinggi, kemudahan sosial dan rekreasi
- Menjadikan bandar-bandar pertengahan lebih mudah diakses dan menarik untuk pekerja berkemahiran/ berpengetahuan di pusat ekonomi, iaitu Kuala Lumpur dan Singapura, serta untuk bekerja dan memindahkan kemahiran/ kepakaran

: Sebuah kajian kebolehlaksanaan telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengenalpasti tiga manfaat yang besar terhasil daripada pelaksanaan KL-SG HSR:

- Secara langsung, tidak langsung dan menggalakkan kesan ke atas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada pembinaan dan operasi KL-SG HSR
- Impak pembangunan ekonomi yang lebih meluas, hasil daripada peningkatan akses perniagaan kepada kumpulan buruh dan perniagaan lain, oleh itu produktiviti juga meningkatFaedah pengguna langsung, termasuklah:
 - Peningkatan productivity menerusi pengurangan masa perjalanan (dianggarkan 40% penurunan dalam jumlah masa perjalanan penumpang, pada tahun kesepuluh operasi)
 - Penurunan dalam kemalangan jalan raya dan kematian
 -) Jejak alam sekitar yang lebih kecil (19 juta liter bahan api dan sehingga 55 juta kg pelepasan karbon dioksida (CO₂) diselamatkan, menjelang tahun kesepuluh operasi)

Manfaat ekonomi lebih besar yang terhasil daripada pelaksanaan KL-SG HSR dianggarkan sebanyak RM21 bilion penambahan dalam KDNK pada tahun 2060 dengan wujudnya 111,000 peluang pekerjaan, berdasarkan kajian yang menggunakan model Bank Dunia dalam projek HSR yang lain di peringkat antarabangsa. Satu kajian berkaitan telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pengangkutan awam Darat (SPAD) menunjukkan bahawa impak adalah berbeza bergantung kepada kawasan tanah yang dibangunkan bergantung pada kawasan stesen HSR. Dalam sebuah skenario yang tidak terkawal dengan pembangunan awal sosioekonomi, dianggarkan bahawa kesan yang dianggarkan boleh mencapai sehingga RM650 bilion PNK dengan kewujudan 442,000 pekerjaan pada tahun 2069 jika kawasan liputan menggabungkan pelan induk yang menyeluruh bagi kawasan sekeliling stesen, termasuk TOD dan zon-zon hab (sekitar lingkungan 5-km bagi stesen-stesen HSR).

2. Dengan kesan projek HSR terhadap harga hartanah, bukannya HSR juga menambah masalah generasi *millennial* yang tidak dapat membeli hartanah?

SEDP bertujuan untuk menangani masalah ini menerusi sokongan yang diberikan terhadap permintaan perumahan mampu milik yang berteraskan masyarakat serta jarak yang bersesuaian ke pusat ekonomi. Ini adalah untuk memastikan bahawa masyarakat masih berkemampuan dengan harga pasaran bagi kediaman hartanah dan akses kepada pelbagai kemudahan, termasuk kesalinghubungan pengangkutan awam. Usaha MyHSR Corp ini bertujuan untuk memastikan bahawa bandar-bandar di sepanjang koridor HSR berdaya maju dan selesa untuk didiami oleh semua rakyat Malaysia.



3. Berapa lamakah anggaran masa bagi bandar-bandar di sepanjang koridor HSR dapat menikmati manfaat daripada projek KL-SG HSR ini?

Tempoh yang diperlukan bagi bandar-bandar HSR ini menikmati manfaat daripada KL-SG HSR adalah berbeza merentasi setiap bandar. Seperti yang dapat dilihat di negara-negara lain, kehadiran HSR telah membuktikan bahawa peluang-peluang pekerjaan terbuka. Contohnya, pembangunan industri bioteknologi dan teknologi maklumat dan telekomunikasi dalam Shin-Yokohama, Jepun. Gabungan bersama komponen-komponen yang membolehkan bandar-bandar lain mendapat kesalinghubungan yang lebih baik melalui pengangkutan awam, Shin-Yokohama menyaksikan peningkatan sebanyak 147% dalam populasi dan anggaran wujudnya 700,000 peluang pekerjaan dari tahun 1996 hingga 2006.

Pembangunan Industri HSR bagi KL-SG HSR

1. Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh HSR dalam membangunkan industri HSR di Malaysia?

KL-SG HSR merupakan projek HSR pertama di rantau ini, oleh itu MyHSR Corp mengambil inisiatif untuk membangunkan industri HSR supaya menjadi pemain serantau dalam bidang tumpuan utama bagi membolehkan pemain tempatan mempertingkatkan industri HSR di rantau ini. Untuk tujuan ini, MyHSR Corp bekerjasama dengan Kementerian berkaitan, pelbagai agensi dan sektor swasta untuk melaksanakan langkah-langkah dalam pembangunan industri HSR tempatan, termasuk rantaian bekalan dan pembangunan bakat. Pelan tindakan yang menggariskan hala tuju dan inisiatif strategik, sedang dalam pembangunan dan dijangka adakan dilancarkan pada tahun 2018.

2. Bagaimanakah KL-SG HSR dapat membantu meningkatkan industri bagi bakat tempatan?

Bakat adalah satu komponen utama bagi kedua-dua projek KL-SG HSR serta keseluruhan pembangunan industri HSR. MyHSR Corp kini sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk pembangunan bakat dalam industri ini, antaranya bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) untuk menggabungkan komponen-komponen bersesuaian dalam kurikulum untuk menghasilkan bakat dengan pengetahuan dan/ atau kemahiran yang berkaitan dengan industri HSR, serta melancarkan Akademi MyHSR bagi menghasilkan profesional tempatan dalam bidang focus utama yang membolehkan pertumbuhan industri HSR di Malaysia serta memangkinkannya sebagai hab latihan HSR serantau. Inisiatif lain juga termasuk menawarkan Program Jurutera Muda untuk melengkapkan graduan tempatan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi menjadi pemimpin masa hadapan dalam industri HSR.